

12 NOV 1999

KAKITANGAN MARA HOLDING IKRAR SOKONG KERAJAAN

KUALA LUMPUR, 12 Nov (Bernama) -- Kakitangan Mara Holding Sdn Bhd (MHSB) hari ini berikrar menyokong penuh kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad serta dasar-dasar pengangkutan awam yang dilaksanakan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN).

Ikrar itu dilafazkan di hadapan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pembangunan Usahawan Zakiah Hashim yang mewakili Menteri berkenaan Datuk Mustapa Mohamad pada pelancaran kempen "Syabas Malaysia" di Bengkel MHSB di Keramat di sini.

Ikrar itu dilafazkan oleh seramai 22 pemandu bas dan teksi daripada kumpulan MHSB sebagai mewakili hampir 4,000 kakitangan syarikat itu.

Zakiah yang juga Pengerusi Lembaga Pemeriksaan Kenderaan Perdagangan (LPKP) berterima kasih kepada semua pemandu bas dan teksi serta kakitangan MHSB kerana menyokong segala dasar-dasar pengangkutan awam yang dilaksanakan oleh kerajaan.

Selain mempunyai 1,000 buah bas ekspres dan bas berhenti-henti yang beroperasi di lebih 230 laluan di Semenanjung, MHSB juga mempunyai sebuah anak syarikat bagi perkhidmatan teksi bandar iaitu Nadi CitiCab yang mempunyai 89 buah teksi beroperasi di Lembah Klang.

-- BERNAMA

AKT LAT